

29 MAR 2001

Mahathir-Rusuhan (Bergambar)

KERAJAAN HASIL RUSUHAN TAK KEKAL, KATA DR MAHATHIR

PETALING JAYA, 29 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mana-mana kerajaan yang dibentuk setelah ia menjatuhkan kerajaan sebelumnya melalui rusuhan, tidak dapat bertahan kerana ia juga akan mengalami nasib yang sama.

Perdana Menteri berkata ada pihak berpendapat kerajaan sedia ada dapat dijatuhkan jika rusuhan berlaku setiap hari kerana negara akan menjadi tidak aman dan stabil.

"Tapi saya ingin jelaskan di sini, kalau sekali sudah berlaku kerajaan jatuh kerana rusuhan, maka kerajaan yang ganti juga akan mengalami nasib yang sama," katanya ketika berucap kepada penduduk Kampung Medan dan kawasan berhampiran di padang permainan Taman Medan di Jalan Klang Lama di sini.

Kawasan itu merupakan tempat berlaku pergaduhan kaum yang menyebabkan enam orang terbunuh awal bulan ini.

Ketibaan Perdana Menteri secara mengejut ke kawasan itu disambut oleh penduduk pelbagai masyarakat yang berpusu-pusu datang untuk bersalaman dengan beliau.

Turut hadir isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai dan Ketua Polis Selangor Datuk Nik Ismail Nik Yusoff.

Dr Mahathir berkata walaupun keadaan semakin pulih di kawasan Jalan Klang Lama tetapi ada pihak cuba mengambil kesempatan untuk mencapai hasrat mereka melalui cara tidak baik.

Mereka membuat serangan di kawasan lain bagi menimbulkan rasa marah di kalangan penduduk dengan harapan itu akan mewujudkan rusuhan, katanya.

Sambil merujuk kepada dua negara jiran Malaysia, Dr Mahathir berkata kedua-dua kerajaan berkenaan dijatuhkan melalui rusuhan dan mungkin ada pihak di negara ini percaya mereka juga boleh berbuat demikian.

"Di negara lain di mana rusuhan berlaku keadaan tidak aman dan kerajaan jatuh dan kerajaan lain dinaikkan. Inilah hasrat sesetengah pihak (di negara ini)," katanya.

Justeru itu, kata Dr Mahathir, adalah penting semua pihak menjaga keamanan negara serta cuba mengelak pertelingkahan kaum kerana jika berlaku rusuhan tidak ada sesiapa yang akan untung.

"Sebaliknya semua pihak akan rugi," katanya.

Perdana Menteri berkata jika negara aman ia dapat dibangunkan dengan lebih baik lagi dan ini akan membawa kebaikan kepada semua pihak.

Dr Mahathir berkata apabila kerajaan dipilih secara demokrasi melalui pilihan raya, maka semua pihak harus menghormati proses tersebut serta menghentikan permusuhan sesama mereka.

Beliau berkata semua pihak seharusnya menunggu lima tahun lagi jika berhasrat untuk menukar kerajaan.

"Kalau tidak tunggu dan membuat rusuhan dan mencari jalan tidak demokratik...kalau ini berjaya, esok orang akan buat cara yang sama dan kita pula dijatuhkan," katanya.

Beliau berkata negara mempunyai undang-undang dan pentadbiran dan semua pihak harus mematuhi dan menghormati undang-undang yang dikuatkuasakan.

Dr Mahathir berkata semua rakyat daripada pelbagai agama dan kaum di negara ini boleh hidup dalam keadaan aman dan damai kerana ianya diizinkan oleh agama masing-masing.

"Mereka juga manusia dan kita juga manusia. Kalau berperang, kita boleh

membinasakan mereka dan mereka juga boleh membinasakan kita. Jika berbalas begini, ini akan merebak ke tempat lain dan lama-kelamaan negara tidak aman," katanya.

Beliau berkata Malaysia telah mengecapi keamanan berterusan sejak 43 tahun lepas kecuali ketika peristiwa 13 Mei 1969 tetapi kerajaan telah mampu membendungnya dalam masa yang singkat tanpa ianya merebak ke luar Kuala Lumpur.

Perdana Menteri meminta penduduk Kampung Medan dan kawasan sekitarnya supaya kembali menjalin hubungan erat antara satu sama lain dan mengekalkan perpaduan dan keamanan yang telah dijalin sejak begitu lama.

Sambil merujuk kepada pasar malam yang dilihatnya semasa dalam perjalanan ke tempat beliau berucap, Dr Mahathir berkata penduduk pelbagai bangsa di situ dapat berniaga dengan baik jika mereka dapat terus mengekalkan keamanan dan perpaduan.

"Tetapi jika berlaku rusuhan, peniaga kecil rugi...peniaga besar pun rugi dan kita juga akan rugi kerana kita tidak boleh membeli dan menjual apa-apa," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan cuba mengatasi segala masalah penduduk di situ termasuk masalah perumahan tetapi beliau meminta mereka bersabar kerana masalah itu tidak boleh diatasi dengan serta merta.

Katanya beliau pada mulanya berhasrat untuk melawat kawasan terbabit lebih awal tetapi ada pendapat berkata lebih baik beliau menangguhkannya.

Dr Mahathir juga berkata semua pihak seharusnya berterima kasih kepada Polis Diraja Malaysia walaupun ada pihak yang menuduh kononnya, polis bertindak ganas.

"Polis kita bukan ganas, kadang-kadang orang pukul polis, mereka terpaksa menunjukkan 'keganasan'," katanya.

Perdana Menteri kemudiannya melawat kawasan perumahan rumah panjang di Kampung Medan yang kebanyakannya didiami oleh masyarakat India.

Dr Mahathir berkata beliau telah dimaklumkan oleh Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu mengenai masalah yang dihadapi oleh mereka dan berjanji kerajaan akan melakukan sedaya upaya bagi mengatasi masalah mereka.

Beliau meminta penduduk tersebut menjalin hubungan yang rapat dengan kaum orang Melayu dan meneruskan kegiatan harian seperti biasa.

-- BERNAMA

RV ERE ZS MAI